

# Piawaian perakaunan Islam untuk pelaporan kewangan wakaf, zakat dan baitulmal dibentuk

**PUTRAJAYA:** Piawaian Perakaunan Islam untuk menyeragamkan pelaporan kewangan bagi wakaf, zakat dan baitulmal, akan dibentuk, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Beliau berkata Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan membentuk piawaian itu bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi Majlis Agama Islam Negeri dalam menyeragamkan laporan kewangan tahunan.

Beliau turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara JANM dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM), bagi menjalankan penyelidikan Piawaian Perakaunan Islam, di sini semalam.

Ahmad Husni berkata kajian itu dijangka siap menjelang hujung tahun ini sebelum dapat digunakan institusi wakaf, zakat dan baitulmal di seluruh negara.

“Kebanyakan institusi ini beradadinegeri-negerikecuali Wilayah Persekutuan, di bawah kerajaan persekutuan, jadi bila kita ada piawaian standardini, ia boleh digunakan oleh semua,” katanya kepada media selepas majlis itu.

Beliau berkata ketiga-tiga universiti berkenaan akan mendapatkan maklumat komprehensif bagi membangunkan piawaian tersebut, termasuk mengenal pasti jurang yang wujud antara amalan perakaunan dan pelaporan kewangan wakaf, zakat dan baitulmal semasa dengan keperluan perakaunan Islam.

Ia juga akan mengenal pasti keperluan syariah dan batas-batas perundangan sivil dalam melaksanakan piawaian tersebut, katanya.

Ketiga-tiga universiti terbabit dipilih berdasarkan pengetahuan, kepakaran dan rekod pencapaian dalam menjalankan penyelidikan berkaitan perakaunan dan kewangan Islam, katanya.

— Bernama